



PENGUMUMAN

PENGIKTIRAFAN PROGRAM *BACHELOR OF LAWS, UNIVERSITY OF READING MALAYSIA, EDUCITY CAMPUS, JOHOR* BAGI MEMBOLEHKAN GRADUAN PROGRAM TERSEBUT MEMOHON UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN

Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia ("Lembaga") dalam mesyuarat yang diadakan pada 14 Disember 2023 telah membincangkan dengan teliti berhubung dengan Laporan Jawatankuasa Penilaian berkenaan dengan permohonan pengiktirafan program *Bachelor of Laws, University of Reading Malaysia* ("UoRM"), *Educity Campus, Johor* bagi membolehkan para graduan program tersebut memohon untuk menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman ("PSAG").

Lembaga telah membuat keputusan untuk **meluluskan permohonan pengiktirafan program *Bachelor of Laws, UoRM* bagi membolehkan graduan program tersebut bermula daripada kohort pertama yang telah mendaftar bagi program tersebut pada bulan September 2019** memohon untuk menduduki PSAG tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat kemasukan PSAG yang telah ditetapkan oleh Lembaga yang terdapat dalam portal rasmi Lembaga di www.lpqb.org.my.

Terima kasih.

NIK ROSMILAWATI BINTI NIK YUSOFF

Pengarah

Peperiksaan Sijil Amalan Guaman

Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia

15 Disember 2023